

Headline	Bahagia di samping isteri selepas jalani pemulihan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	23	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	154 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,666
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,998



## Bahagia di samping isteri selepas jalani pemulihan

**K**UALA LUMPUR: Kesilapan silam menyebabkan beberapa lelaki bertekad membantu golongan penagih dadah dan pesakit Aids menjalani rawatan pemulihan dengan menyertai kelompok sokong bantu atau pembimbing rakan sebaya (PRS) di beberapa pusat Care & Cure Service Centre (CCSC) sekitar ibu kota.

Zek, 38, yang sudah pulih daripada najis dadah sejak enam tahun lalu berkata, pengalaman terbabit dalam najis dadah seawal usia 16 tahun dijadikan teladan untuk mendidik pesakit yang sedang menjalani rawatan pemulihan supaya menghentikan perbuatan sia-sia itu.

Katanya, kebodohan sendiri akibat terpengaruh dengan rakan sebaya menjadikan dia penagih tegar dan pernah mengutip makanan dalam tong sampah yang sukar dilupakan sepanjang hayatnya.

Selepas tiga kali dimasukkan

ke hospital kerana mendapat Hepatitis C dan disahkan dijangkiti virus HIV, dia benar-benar insaf dan berusaha untuk pulih dengan mendapat rawatan di sebuah pusat pemulihan.

Ternyata, usaha ke pusat pemulihan kendalian AADK adalah tepat dan kini dia hidup bahagia di samping isteri tercinta apabila dia berkahwin beberapa tahun lalu dan dianugerahi dua cahaya mata.

Rakannya, Zairi, 42, yang mula menyertai PRS beberapa bulan lalu mengakui rawatan pemulihan itu cukup berkesan untuk pulih sepenuhnya selepas terjebak dengan najis dadah pada 1980-an.

Kini, dia berusaha sebaik mungkin menarik golongan yang terjebak dengan dadah agar tidak terus pincang langka mereka seperti mana yang pernah dilakukannya.

Pernah bekerja dengan sebuah syarikat perkapalan tersohor negara dan sering be-



**ZEK...tidak lupa kutip makanan dalam sampah**

layar ke beberapa negara luar, namun akhirnya dia terjebak dengan ganja akibat terikut-ikut dengan rakan hingga hanyut dalam dunia khayal.

Selepas ditangkap dan dipenjarakan sebanyak tiga kali bahkan hampir mendapat perintah mahkamah untuk dibuang daerah, dia sedar perbuatan itu hanya sia-sia dan bertaubat.

Kini, dia bangga kerana dapat berkongsi pengalaman dengan golongan muda.